

Keating tetap pertahan tindakan

SYDNEY, Ahad — Perdana Menteri Australia, Paul Keating, mempertahankan bahawa semua tindakannya sehingga ini bagi memulihkan pertikaian diplomatik yang semakin buruk dengan Malaysia, sudah cukup wajar.

Beliau juga menegaskan tidak akan menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secara peribadi bagi memulihkan keadaan itu.

"Saya tidak akan melakukannya. Saya sudah menyatakan semua yang tersirat di hati saya," katanya.

Beliau berkata, terpulang kepada Kuala Lumpur sama ada mahu menyambung semula hubungan seperti biasa dengan Canberra.

"Apa yang saya lakukan adalah wajar iaitu dengan mengutus surat kepada beliau merujuk kepada kenyataan di Seattle dalam konteks tertentu.

"Saya menjelaskan bahawa saya menjaga kepentingan Australia, kedua-dua pihak sebenarnya menjaga kepentingan negara masing-masing.

"Bagaimanapun, yang jelas ialah apa yang saya katakan tidak bertujuan menimbulkan kemarahan Dr Mahathir dan saya berharap beliau menerimanya.

"Adalah dikesali jika beliau marah walaupun kenyataan itu tidak bertujuan demikian," kata Keating.

Keating membuat ulasan itu ketika ditemuramah untuk rakaman televisyen, semalam, selepas Dr Mahathir menolak penjelasan Keating melalui suratnya.

Temuramah disiarkan pagi ini oleh saluran televisyen *Network Nine*.

Malaysia menyatakan surat Keating meningkatkan lagi pertikaian selepas pemimpin Australia itu mengkritik dan menyifatkan Dr Mahathir sebagai 'keras kepala' kerana tidak menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata surat yang dihantar oleh Keating tidak membantu mengurangkan kekeruhan hubungan kedua-dua negara.

Dalam temuramah itu, Keating juga menggambarkan Dr Mahathir sebagai 'luar biasa' dibandingkan pemimpin Asia yang lain dari segi sikapnya terhadap Australia.

"Hubungan saya dengan Presiden Indonesia, Suharto, adalah baik. Begitu juga dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Presiden Korea Selatan, Kim Young-sam.

"Saya juga mahu hubungan seumpama itu dengan Dr Mahathir tetapi beliau juga mesti sanggup mengadakannya. Malaysia mesti mahu mengadakan hubungan yang turut sedia dikongsi bersama oleh Australia," kata Keating.

Malaysia sudah mengharamkan program televisyen dan iklan Australia serta memutuskan bahawa semua agensi kerajaan bebas mengkaji semula urusan niaga masing-masing dengan negara itu. — Agensi